**LAMPIRAN A**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PENOLONG JURUUKUR**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | **:** | **PERKHIDMATAN KEJURUTERAAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | **:** | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | | **JA29, JA36, JA38** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2013** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) (i) sijil dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada politeknik-politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,417.59); atau

(ii) diploma dalam bidang ukur tanah yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,826.02).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred JA29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

| | | |
|---|---|---|
| **PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN** | 6. | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan. |
| **PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** | 7. | Penolong Juruukur Gred JA29 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:<br>(a) memenuhi tempoh percubaan;<br>(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **PERGERAKAN GAJI TAHUNAN** | 8. | Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| **KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI** | 9. | Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA36** | 10. | Penolong Juruukur Gred JA29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Gred JA36 yang kosong apabila telah:<br>(a) disahkan dalam perkhidmatan;<br>(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan<br>(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED JA38** | 11. | Penolong Juruukur Gred JA36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Juruukur Gred J38 yang kosong apabila telah:<br>(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;<br>(b) melepasi semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan<br>(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan. |
| **PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE PERKHIDMATAN JURUKARTOGRAFI, JURUUKUR** | 12. | Penolong Juruukur yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Jurukartografi atau Juruukur Gred J41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan berkenaan. |

**Nota**: Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Juruukur yang berkuat kuasa pada 2.1.2011 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 12 Tahun 2010).